



KAJIAN MENGENAI PENTADBIRAN HARTA
BAITULMAL DAN TANAH WAKAF
NEGERI KEDAH DARULAMAN
1979 - 1989

O L E H

SYEIKH ALIAS BIN HAJI MUSTAFA

KERTAS PROJEK

UNTUK

DIPLOMA UNDANG - UNDANG DAN PENTADBIRAN
KEHAKIMAN ISLAM

KULIAH UNDANG - UNDANG

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

PETALING JAYA

1989 / 1990

DONATED TO THE LIBRARY OF
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
BY
Dr. Ishmael Saedon Awaaf *Chairman*
Deputy Dean (Academic), *College of Law*
Date Received: *Mo 22/8/90*
Date Received:

20012

DECLARATION OF AUTHOR'S RIGHTS

**The copyright of this thesis belongs to the author under the terms of the
Copyright Act, 1987 (Act 332) Due acknowledgement must always be made
of the use of any material contained in, or derived from this thesis.**

AKS

12/1/02

t

BP

158.5

T-2

1

89666

8962K

100-0

KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
Pengenalan	vi – viii
Penghargaan	ix – x
Senarai Lampiran	xi
Senarai Singkatan Kata	xii
BAB SATU	<u>BAITULMAL</u>
1.1	: Pengenalan 1
	: Pengertian Baitulmal dalam Islam 1
	– takrif
	– nas-nas syarak
1.2	: Sejarah Awal Baitulmal dalam Islam 5
	– zaman Rasul Allah s.a.w.
	– zaman khalifah-khalifah
1.3	: Baitulmal dan Perkembangannya 18
	– zaman Bani Umayyah
	– zaman Bani al-Abbas
1.4	: Sumber-sumber Pendapatan Baitulmal 24
	– harta percuaiyan
	– harta rampasan
	– harta kebajikan

Halaman

1.5	: Jenis-jenis Baitulmal	39 – 31
	– Baitulmal al-Khas	
	– Baitulmal	
	– Baitulmal al-Muslim	
1.6	: Peranan Baitulmal	41 – 43
BAB KEDUA	:	BAITULMAL NEGERI KEDAH DARULAMAN 48 – 81
2.1	:	Sejarah ringkas Baitulmal negeri Kedah 48 – 53
2.2	:	Sistem Pentadbiran Baitulmal di negeri Kedah Darulaman Cara dan Perlaksanaannya 54 – 60
2.3	:	Struktur Organisasi Baitulmal negeri Kedah Darulaman 61 – 67
	– bahagian sumber am	
	– bahagian pentadbiran am dan kewangan	
	– bahagian kebajikan	
	– bahagian perancangan dan pembangunan	
2.4	:	Tanggungjawab Baitulmal Negeri Kedah Darulaman 67 – 69

Halaman

2.5	: Sumber Pendapatan Baitulmal Negeri Kedah Darulaman	69 - 76
2.5.1	: Penggunaan dan Perbelanjaan Harta Baitulmal Negeri Kedah	77 - 79
2.6	: Perancangan-Perancangan Baitulmal Negeri Kedah	79 - 80
2.7	: Masalah-masalah dan Kesulitan yang dihadapi oleh Baitulmal negeri Kedah Darulaman	80 - 81
BAB KETIGA	: <u>WAKAF</u>	83 - 108
3.1	: Takrif Wakaf - nas-nas syarak	83 - 87
3.2	: Institusi Wakaf - rukun-rukun wakaf - syarat-syarat wakaf	88 - 89
3.3	: Perlaksanaan Wakaf	90 - 91
3.4	: Jenis-Jenis Wakaf - wakaf ahli - wakaf khairi	91 - 93

Halaman

3.5	: Pentadbiran Wakaf Di Negeri Kedah Darulaman	94 – 98
3.6	: Masalah-masalah Pentadbiran Dan Pengurusan Harta-Harta Wakaf Di Negeri Kedah	99 – 101
3.7	: Masalah-masalah Utama <ul style="list-style-type: none"> - kekurangan pegawai - kekurangan kewangan - kedudukan harta-harta wakaf - syur-syur dan cadangan 	101 – 106
BAB KEEMPAT	: <u>PENILAIAN DAN SYUR-SYUR DARI KAJIAN</u>	
4.1	: Ulasan Dari sudut:-	111 – 128
	<ul style="list-style-type: none"> - kedudukan dan bidangkuasa baitulmal dan wakaf - kelemahan pentadbiran - tidak mencukupi kakitangan - sumber harta yang terhad 	
4.2	: Langkah-Langkah Yang Perlu Diambil	117 – 123

Halaman

4.3	:	Syur-syur Dan Cadangan	123 – 127
		– kefahaman dan pendedahan	
		– hubungan kerjasama	
		– mengadakan projek-projek	
		pembangunan	
		– bantuan kebaikan	
	:	Kesimpulan / Penutup	128
	:	BIBLIOGRAFI	

PENDAHULUAN

الحمد لله رب العالمين والصلة والسلام على
سيدنا محمد الانبياء والمرسلين وعلى الله وصحبه اجمعين

Kertas projek ini bertajuk " Kajian Mengenai
Pentadbiran Harta Baitulmal dan Tanah Wakaf Negeri
Kedah Darulaman, 1979 – 1989 ".

Memandangkan kepada harta-harta Baitulmal dan
tanah-tanah wakaf di negeri Kedah Darulaman khasnya,
adalah banyak yang mana sebahagian besarnya belum dapat
di tadbirkan dengan jaya dan sempurna, sedang menfaat
dan faedahnya amat besar jika ianya dapat dibangunkan
menurut kehendak dan tuntutan syaree yang sebenar ber-
sesuaian pula dengan perkembangan pembangunan masa kini.

Maka saya selaku penulisnya akan mencuba dan
berusaha dengan sekadar yang boleh untuk membuat kajian
ini untuk melihat kuasa dan fungsi Baitulmal dan Wakaf,
dalam menguruskan pentadbiran harta-harta Baitulmal
dan tanah-tanah wakaf yang diamanahkan kepadanya. Dan
untuk mengetahui sejauh mana pehak-pehak yang terlibat
seperti Majlis Agama dan Jabatan Agama memainkan

peranan masing-masing untuk mempertingkatkannya.

Penulis juga akan membuat beberapa ulasan dan cadangan dari kajian ini untuk sama-sama berfikir.

Walaupun syur-syur dan cadangan-cadangan yang dikemukakan nanti tidak mencapai tuntutan sepenuhnya, tetapi sekurang-kurangnya ia merupakan perintis kearah kajian yang mendalam dan intensif dimasa-masa akan datang.

Justeru itu sebagai anak watan negeri Kedah Darulaman dan pernah memegang jawatan Setiausaha Baitulmal dan Wakaf ingin sekali melihat Baitulmal dan Wakaf negeri Kedah bergerak maju, dan berharap agar kajian ini membawa erti kepada semua pihak.

Didalam kajian ini penulis bahagikan kepada empat bab.

Bab pertama membincangkan mengenai Baitulmal yang terdapat dalam sejarah Islam, dizaman Rasul Allah s.a.w., dizaman khalifah-khalifah, penubuhan dan perkembangannya, sumber-sumber Baitulmal dan jenis-jenis Baitulmal.

Bab kedua membincangkan mengenai Baitulmal negeri Kedah Darulaman disegi penubuhannya, sistem pentadbiran, sumber-sumber pendapatannya, perlaksanaan dan masalah-masalah yang dihadapi.

Bab ketiga pula membincangkan mengenai Wakaf iaitu disegi takrif, nas-nas syarak, sejarah wakaf, rukun-rukun wakaf, syarat-syarat wakaf, perlaksanaan wakaf, jenis-jenis wakaf, pentadbiran wakaf dan masalah-masalah dan pengurusan tanah-tanah wakaf dinegeri Kedah Darulaman.

Dan didalam bab yang akhir iaitu bab keempat pula penulis cuba memberi beberapa komen mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh Baitulmal dan Wakaf negeri Kedah dan langkah-langkah untuk mengatasinya. Dan diakhir sekali penulis mengutarakan beberapa cadangan untuk difikirkan bersama demi untuk kemajuan Baitulmal dan Wakaf negeri Kedah Darulaman.

Semoga usaha dan kajian yang serba kekurangan ini mendapat perhatian dan menjadi munafaat serta diterima oleh Allah s.w.t.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya bersyukur kehadrat Allah s.w.t. yang telah memberi taufik dan hidayahNya kepada saya dalam membuat kajian ini sehingga selesai.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Assoc. Prof. Abdullah Abu Bakar selaku penyelia saya yang telah memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar kepada saya sehingga kajian ini dapat diselesaikan dengan sempurna.

Terima kasih juga dirakamkan kepada semua pensyarah-pensyarah di Kuliah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa yang telah banyak mencurahkan ilmu pengetahuan dan bimbingan selama penulis berada di Universiti ini bagi mengikuti Kursus Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Tidak ketinggalan juga terima kasih saya tujukan kepada semua pihak yang terlibat membantu saya dalam usaha menyiapkan kajian ini. Terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Jaya Perkasa Dato' Syeikh Mohd. Yusoff bin Haji Ismail - Yang Di Pertua Majlis Agama

Islam Negeri Kedah Darulaman khususnya kepada saudara
Mohammad Haji Ibrahim – Kerant di Jabatan Agama Islam
Negeri Kedah dan semua kakitangan bahagian Baitulmal
dan Wakaf diatas segala kerjasama yang diberikan untuk
membantu sata mendapatkan bahan dan maklumat yang di-
perlukan.

Terima kasih saya ucapkan kepada Perpustakaan
Universiti Islam, Perpustakaan Awam Islam, Pusat Islam
dan Perpustakaan Majlis Agama Islam negeri Kedah yang
telah banyak menyediakan bahan rujukan.

Akhirnya diatas segala pertolongan dan jasa baik
yang tuan-tuan berikan itu hanya Allah sahaja lah yang
membalasnya, Semoga mendapat pertunjuk dariNya.

Jazakumullah hu khairan.

Wa Allhu a'lam.

Syeikh Alias Haji Mustafa,
479, Lorong Kelapa Hijau,
Segambut Bahagia,
06120, Kuala Lumpur.

7hb. Februari 1990
11hb. Rejab 1410

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 'A' - Carta Struktur Organisasi
Pentadbiran Hal Ehwal Ugama.
- Lampiran 'B' - Carta Struktur Organisasi
Baitulmal dan Wakaf
- Lampiran 'C' - Borang Wakaf
- Lampiran 'D' - Peraturan Baitulmal/Warta
Kerajaan Negeri Kedah
- Lampiran 'E' - Laporan Tanah Wakaf bagi
Negeri Kedah Darulaman

SENARAI SINGKATAN KATA

D.Y.M.M.	-	Duli Yang Maha Mulia
M.A.I.K.	-	Majlis Agama Islam Kedah
bil.	-	bilangan
hal.	-	halaman
jil.	-	jilid
cet.	-	cetakan
juz.	-	juzuk
H.	-	Hijrah
M.	-	Masih
EI	-	The encyclopaedia of Islam
Ibid.	-	ibidem (ditempat yang sama)
s.w.t.	-	Subhanahu wataala
s.a.w.	-	Sallallahu Alaihi Wasallam
r.a.	-	Razialhu Anhu
t.th	-	tanpa tarikh
t.tp	-	tanpa tempat

B A B — 1

BAB 1

= = = =

" BAITULMAL "

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على سيدنا محمد اشرف
الأنبياء والمرسلين وصلوا الله وسالموا عليهم

P E N G E N A L A N:

Baitulmal adalah merupakan sebuah institusi kewangan dalam Islam yang memainkan peranan penting bagi kemajuan umat Islam. Ia bolehlah dianggap sebagai Perbendaharaan Negara di mana segala perkara yang berhubung dengan soal kewangan sesebuah negara. Kemasukan dan perbelanjannya di rancang dan di uruskan untuk kepentingan rakyat dan negara.

1.1 Pengertian Baitulmal Dalam Islam

Baitulmal adalah satu perkataan Arab yang bererti rumah kewangan dan harta benda. Didalam Islam bolehlah ditakrifkan dengan tabung simpanan harta benda dan wang negara. Satu dewan buku-buku atau tempat mencatat soal kewangan Islam.

Disebut oleh Al-Marwadi dengan:-

بِيْتُ الْمَالِ الْمُسْتَقْبَلِ، وَبَيْتُ الْأَمْوَالِ (1)

(tempat merekod pembahagian dan pengumpulan harta)

Disegi bahasanya ialah 'gedung harta' atau dalam bahasa Inggerisnya disebut "The house of wealth". Dalam penerjemah istilahnya pula ialah merupakan perbendaharaan bagi sesbuah negara Islam.⁽²⁾

Dengan pengertian diatas jelaslah bahawa Baitulmal mempunyai dua fungsi yang utama, iaitu menyimpan dan menguruskan segala kemasukan negara dan kemudian membelaanjakannya untuk kebijakan masyarakat dan negara.

Sebenarnya kewujudan institusi seperti ini dalam Islam, tidaklah dinaskan oleh Al-Quran dan Hadis secara nyata. Tetapi terdapat juga nas-nas yang boleh difahami darinya bahawa penubuhan faedah dan tidak bercanggah dengan hukum yang ditetapkan Allah dan Rasulnya.

Al-Quran telah menjelaskan bahawa umat manusia adalah khalifah dimuka bumi, seperti dalam surah Al-An'aam ayat 165 yang berbunyi:-

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكَمْ مِنْ أَنْفُسِ الْأَرْضِ وَرَبِّكُمْ بِمَا كُنْتُمْ
فِيهِ بَصِيرٌ دَرْجَاتٍ لِّكُلِّ وَكِنْيَةٍ مَا اتَّكَمْ (3)

Maksudnya :

Dan dia adalah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa dibumi dan dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian yang lain beberapa darjat untuk mengujimu tentang apa yang diberikannya kepadamu.

Didalam surah Al-Fathir ayat 39.

هُوَ الَّذِي جَعَلَكَمْ مِنْ أَنْفُسِ الْأَرْضِ

Maksudnya :

Dialah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah dimuka bumi⁽⁴⁾

Sebagai khalifah mereka arahkan supaya membangun dan mengolahkan sumber-sumber yang ada dialam ini sehingga ia boleh dimunafaatkan bagi kehidupan manusia, seperti firman Allah dalam ayat 61, surah Hud:

هُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا

Maksudnya :

Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakimurnya⁽⁵⁾

Dan ayat 20 surah Luqman:

أَلَّا تَرْجِمَنَ اللَّهُ مَا فِي الْأَسْوَاتِ وَاسْبَغْ عَلَيْكُمْ
نَعْمَةٌ بِحَرَقٍ وَبِأَنْسَهٖ

Maksudnya :

Tidakkah kamu perhatikan sesungguhnya Allah
telah menundukkan untuk (kepentinganmu apa yang di-
langit dan apa yang dibumi) dan menyempurnakan untuk
mu nikmatnya lahir dan batin.⁽⁶⁾

Dan ayat 13 dalam surah Al-Jaatsiyah:

وَسَخَرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ حَمِيعاً مِنْهُ

Maksudnya :

Dan Dia menundukkan untukmu apa yang ada di-
langit dan apa yang ada dibumi semuanya (sebagai
rahmat) daripadanya.⁽⁷⁾

Pembangunan ekonomi oleh manusia hendaklah selaras
dengan segala perintah dan larangan yang ditentukan Allah.
Untuk menjamin hal tersebut supaya tidak berlaku penindasan
dan penyelewengan serta pembahagian kekayaan yang tidak
wajar, maka institusi kewangan seperti Baitulmal perlu di-
wujudkan. Dari itu penubuhannya adalah diharuskan oleh
Islam kerana ia tidak terkeluar dari batas-batas landasan

Islam demi kemuslihatan dan kesejahteraan umum.

1.2 Sejarah Awal Baitulmal Dalam Islam

Baitulmal yang dikenali dengan Perbendaharaan Negara sebenarnya telah ujud sejak zaman Rasullullah (s.a.w) dan zaman Khalifah Abu Bakar al Sidiq lagi. Tetapi Baitulmal dalam ertikata yang sebenarnya tidak lagi ujud kerana hasil negara belum lagi berkembang dengan begitu meluas, kalau pun ada ia tidak disimpan lama, malah terus diagihkan sepenuhnya kepada yang berhak tanpa ada lebihan untuk disimpan. Keadaan ini ialah kerana sedikitnya sumber harta yang ada dizaman Rasullullah (s.a.w) dan dizaman Abu Bakar al Sidiq. Oleh itu tidaklah didapati Baitulmal yang tasmi yang lengkap dengan peraturan yang khusus dan sistematik seperti dizaman selepasnya.

Dizaman Rasullullah (s.a.w) dahulu, perbelanjaan negara Islam sangatlah sedikit. Tidak ada pegawai yang mendapat gaji yang tetap dan setiap petugas hanya mendapat upah apa yang dikerjakannya.

Pemungut zakat umpamanya, mendapat ganjaran dari bahagian zakat yang dipungutnya. Harta zakat apabila tiba

dihadapan Rasullullah. Baginda membahagikannya secara langsung kepada yang berkepentingan. Dalam peperangan pula kaum muslim akan membawa kelengkapan masing-masing seperti senjata dan binatang tunggangan. Apabila mereka memperolehi harta rampasan, mereka bahagi-bahagikannya dimedan perang. Jadi dengan demikian belumlah diperlukan adanya suatu peraturan untuk menyusun sumber pendapatan dan perbelanjaan negara seperti yang berlaku se-sudah masa beliau. Demikian juga dengan Khalifah Abu Bakar, beliau telah meneruskan sistem yang berlaku di-zaman Rasullullah (s.a.w) itu.⁽⁸⁾ Dari itu jelaslah bahawa undang-undang yang tersusun dan lengkap untuk mentadbir kewangan negara belum lagi ujud ketika itu.

Dizaman Rasullullah (s.a.w) sumber-sumber harta bagi negara Islam ketika itu ialah⁽⁹⁾ :-

i) Zakat

ii) Ghanima

iii) Fai'

iv) Jizya

Demikian juga dizaman Khalifah Abu Bakar

Pada zaman Rasullullah, harta-harta yang diperolehi dari berbagai sumber telah dibahagikan serta merta. Pada suatu ketika Rasullullah (s.a.w) telah menerima 8,000 dirham hasil dari Bahrain. Baginda telah membahagikannya kepada orang ramai ketika itu juga . Demikian juga dengan Abu Bakar Al Sidiq. Apa sahaja yang diterima dari hasil rampasan perang, dibahagikan kepada mereka yang berhak serta merta. Oleh itu sebuah rumah yang ditentukannya untuk Perbendaharaan Negara sentiasa tinggal tertutup. Pada waktu kematiannya, Perbendaharaan Negara dikatakan hanya mempunyai 1 dirham sahaja. (10)

Mengenai cara pembahagian harta pula, Rasullullah (s.a.w) telah menetapkan bahawa harta-harta sedekah atau zakat diberi kepada mereka yang telah ditetapkan Allah dalam al-quran, jizya dibelanjakan bagi keperluan peperangan jihad dan kemaslahatan umum dan ghanima pula 4/5 daripadanya dibahagikan diantara orang-orang yang menyertai peperangan, manakala 1/5 lagi diberikan kepada mereka yang telah diterangkan oleh Allah didalam al-quran. (11)

Firman Allah:

واعلموا انما غنائمكم من شيء، فان لله خمسه والرسول ولذى القربي واليتمنى
والمسكين وابن السجى،

Maksudnya:

Ketahuilah, sesungguhnya apa yang dapat kamu perolehi sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya 1/5 untuk Allah, Rasul, kerabat rasul, anak-anak yatim, orang miskin dan orang yang putus perbelanjaan didalam perjalanan. (12)

Begitulah juga halnya dizaman Abu Bakar al Sidiq dalam soal pembahagian kekayaan atau hasil negara, Abu Bakar menjalankan dasar sama rata diantara orang ramai. Beliau menyamakan pemberian sama ada untuk kanak-kanak atau orang tua, hamba atau orang merdeka, perempuan atau lelaki. Pernah berlaku pada suatu tahun, banyak harta telah diperolehi, lalu beliau membahagikannya dikalangan orang ramai tanpa sebarang perbezaan sehingga dikatakan setiap orang mendapat 20 dirham. Maka datanglah beberapa orang Islam menemui Abu Bakar seraya berkata 'Wahai Khalifah Rasullullah, sesungguhnya kamu telah membahagikan harta secara sama rata dikalangan orang Islam, sedang-

kan diantara mereka ada yang berkedudukan dan ada yang terdahulu memeluk Islam.

Maka eloklah diutamakan orang yang terdahulu memeluk Islam dan yang berkedudukan.' Maka jawab Abu Bakar "apa yang kamu sebutkan tentang orang yang terdahulu memeluk Islam dan yang berkedudukan, maka tidaklah aku mengetahui yang sedemikian itu. Hal itu pahalanya terpulanglah kepada Allah." Pemberian ini merupakan satu hidup semata-mata, kalau ia disamakan adalah lebih baik daripada diberikan. (13)

Rasa sama rata ini menunjukkan bahawa semua orang adalah sama kedudukannya dalam Islam. Oleh itu perlulah dosamaratakan setiap pemberian. Demikianlah keadaan Baitulmal dizaman Rasullullah (s.a.w) dan zaman Khalifah Abu Bakar al Sidiq. Ia merupakan titik permulaan kearah tertubuhnya Baitulmal secara rasmi dan tersusun dizaman selepasnya, terutama dizaman Khalifah Umar bin Al Khattab.

Zaman pemerintahan Khalifah Umar adalah zaman kegemilangan Islam dan beliau merupakan Khalifah Islam yang termashur sekali. Dizamannya berbagai pembaharuan telah